

FAKTA

MENJELASKAN KEZALIMAN
BARISAN NASIONAL **bersatu**
(DR. MAHATHIR) **memenangkan**
Barisan Alternatif

bil: 4

sila buat salinan dan edarkan sebanyak mungkin kepada semua pengundi



Mahligai Mahathir RM 200j di Putra Jaya

BANYAKNYA RUMAH MAHATHIR... Tak Padan Dengan Gaji Sebagai PERDANA MENTERI

- √ Sesiapa yang berada di tol plaza Sg. Besi dapat melihat sebuah bungalow besar milik Mahathir yang terletak di atas **banjaran bukit di The Mines.**
- √ Mahathir juga memiliki sebuah rumah di **Subang** yang dibina oleh **Rin Kei Meng.**
- √ Terdapat juga sebuah lagi rumahnya di **Langkawi** yang dibina oleh **Ting Phek Khing**
- √ Sebuah lagi di **Country Height** (kini diduduki Mirzan)
- √ Dan yang terbaru ialah di **Bukti Tinggi** yang dibangunkan oleh **Vincent Tan** dengan harga **RM21 juta.**
- √ Dan jangan lupa **Mahligai Mahathir** di **Putra Jaya** yang bernilai **RM200j**

Mahathir juga miliki rumah di Luar Negara

- ◆ Sebuah mahligai di **London** yang dibeli menggunakan nama **Daim**
- ◆ Sebuah di **Vancouver** yang dibeli menggunakan nama **Mirzan**
- ◆ Sebuah lagi di **Florida** di atas namanya sendiri.
- ◆ Mahathir juga memiliki sebuah **ladang (ranch)** di **Argentina.**

Gaji Mahathir Cuma RM10.5j Selama 17 Tahun... Cukupkah Untuk Memiliki Rumah Yang Banyak?

Persoalan yang rakyat berhak ketahui ialah dari manakah Mahathir memperolehi kekayaan yang sebegini banyak? Gajinya sebagai Perdana Menteri lebih kurang **RM51,609** sebulan. Sekiranya dia tidak membelanjakan sesen dari wang ini dia akan mengumpul **RM619,308** setahun. Dalam masa sepuluh tahun ini menjadi **RM6.19** juta. Ini bererti dalam **17 tahun** dia menjadi Perdana Menteri gaji terkumpulnya tidak akan melebihi **RM10.5 juta.** Ini bererti kalau diharapkan pada gajinya sahaja, Mahathir tidak mampu membayar kos pembinaan rumahnya di **Bukti Tinggi.** Apatah lagi untuk membeli rumah-rumah lain, termasuk di London, Florida, Vancouver dan Argentina. Dari manakah datangnya wang yang sebegini banyak?

RUMAH MENTERI BESAR KELANTAN DAN TERENGGANU Rumah Kampung Yang Serba Sederhana

Sedang pemimpin BN berlumba-lumba membina mahligai idaman... lihatlah apa yang ada di rumah Menteri Besar Kelantan. Sudah lebih 10 tahun **Datuk Nik Aziz Nik Mat** memerintah Kelantan, beliau masih tetap tinggal di rumah asalnya di **Kampung Pulau Melaka**. Mana harta yang dikumpulkan... malah beberapa elaun sebagai Menteri Besar turut di potong untuk membantu Kelantan.

Begitu juga dengan Menteri Besar Terengganu. **Datuk Seri Abdul Hadi Awang**... menepati ciri-ciri pemimpin Islam. Lihatlah rumahnya di **Kampung Rusila, Marang**... rumah kampung yang serba sederhana, tidak menampakkan ciri-ciri kemewahan seperti yang ditunjukkan oleh Pak Menteri kerajaan BN.

Jika anda tidak mempercayai kenyataan di atas... kunjungilah kedua-dua buah rumah Menteri Besar Kerajaan PAS. Mungkin rumah anda lebih besar dan selesa dari rumah mereka... Fikir dan renungkanlah...

Rakyat Disuruh Berkorban Pada Ketika Mahathir Terus Membongkah Kekayaan Negara

Patutkah seorang Perdana Menteri yang mempunyai kemewahan sebegini banyak meminta rakyat berkorban? Dan kita juga ingin tahu berkorban untuk apa? Berkorban supaya wang Petronas dapat digunakan untuk menyelamatkan syarikat anaknya Mirzan? Berkorban supaya tol dapat dinaikkan untuk menyelamatkan syarikat milik UMNO, Renong? Berkorban supaya sebanyak RM776 juta wang rakyat di Khazanah Holding dapat digunakan untuk membantu Rashid Husin dan RHB Bank? Berkorban supaya Mahathir dapat membina mahligai bernilai RM200 juta di Putra Jaya dan membeli jet Global Express juga dengan harga RM200 juta.

Sekiranya kerajaan tidak membina mahligai Mahathir di Putra Jaya wang RM200 juta itu mencukupi untuk memberi pendidikan percuma selama setahun untuk semua pelajar di sebuah universiti tempatan seperti Universiti Malaya. Wang sejumlah itu juga boleh membina 8,000 buah rumah kos rendah untuk rakyat miskin. Kenapakah anak-anak Mahathir yang telah pun kaya perlu dibantu lagi. Mirzan memiliki saham bernilai RM726.5 juta di sebelas syarikat yang disenaraikan di KLSE. Mokhzani pula memiliki saham bernilai RM624 juta. Sebaliknya, nasib penanam padi tidak terbelah. Harga barangan semakin naik. Pengangguran semakin meningkat.

Dan kita disuruh berkorban dan terus berkorban pada ketika Mahathir dan suku-sakat membongkah kekayaan negara untuk diri mereka. Adakah rakyat harus mahadiam melihat golongan mahakaya ini terus mahamenindas kita?

MANA JANJI RUMAH UNTUK RAKYAT MISKIN DAN SETINGGAN?

Kerajaan BN tidak mengendahkan langsung nasib rakyat berpendapatan rendah dan sederhana dengan memperbanyakkan pembinaan rumah kos rendah dan sederhana. Yang digalakkan binalah banyak-banyak bungalow, condo, apartment, hotel & resort lima bintang dan padang golf. Dimanalah rakyat nak tinggal, paling tidak pun setinggan di pinggir-pinggir bandar. Itupun tak selamat, kerana bila-bila masa akan dihalau macam anjing kurap. Peliknya Malaysia boleh bina bangunan tertinggi di dunia, projek Putrajaya dan Cyberjaya tapi gagal

mengatasi masalah setinggan di kawasan bandar. Masalah setinggan ini sudah berlarutan selama 30 tahun tanpa penyelesaian. **Terdapat 211 kawasan setinggan (42,000 keluarga) di KL.** Dalam pada itu bagi melariskan rumah mewah yang tak mampu dibeli oleh rakyat Malaysia, dibenarkan **orang asing memiliki rumah RM250 ribu tanpa levi.** Bayangkan apa sebenarnya berlaku, bila **6,600 unit rumah kos rendah disediakan telah diserbu oleh 15,000 orang rakyat Malaysia di Johor Bahru beberapa tahun lalu.**

CONFIRM
PANGKAH PAS



P011: PENDANG
Dr. Mohamad Hayati Othman

N15: ANAK BUKIT
Ir. Hj. Amirudin Hamzah

